



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

OGOS 2026

MAULIDUR RASUL TAHUN 1448 HIJRAH

21 OGOS 2026 / 8 RABIULAWAL 1448H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُوْرِ اَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ اَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُّضِلِّهٖ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُوْلَهُ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ اٰجَمَعِيْنَ.
اَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَاَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوَى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah ﷺ

Kini kita berada dalam bulan Rabiulawal, iaitu bulan kelahiran insan teragung, Nabi Muhammad ﷺ. Kedatangannya merupakan peluang besar untuk kita mencontohi dan menzahirkan kecintaan kepada Baginda ﷺ. Justeru, sambutan Maulidur Rasul merupakan antara hari kebesaran Islam yang diraikan setiap tahun. Firman Allah ﷻ dalam surah at-Taubah ayat 128:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul daripada golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad ﷺ), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat inginkan kebaikan bagi kamu, (dan) dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang yang beriman.*”

Nabi Muhammad ﷺ merupakan rahmat kepada seluruh alam. Rahmat yang dibawa oleh Baginda ﷺ mencakupi seluruh aspek kehidupan iaitu akidah, syariat, akhlak, kehidupan bermasyarakat dan lain-lain. Allah ﷻ berfirman dalam surah al-Anbiya ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Yang bermaksud: “*Dan tidaklah Kami mengutus engkau (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat bagi seluruh alam.*”

Rahmat pada aspek akidah dan syariat, Nabi Muhammad ﷺ diutus untuk menyelamatkan manusia daripada kegelapan syirik kepada cahaya tauhid. Baginda memerdekakan akal dan jiwa manusia daripada pergantungan kepada makhluk kepada menyembah dan mengharap Allah ﷻ semata-mata. Maka Baginda menuntut kita memelihara tauhid, menjauhi segala bentuk kesesatan dan syirik yang bertentangan dengan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menjalani kehidupan mengikut syariat.

Sidang Jemaah yang berbahagia

Rahmat diutuskan Rasulullah ﷺ pada aspek akhlak dan bermasyarakat. Baginda ﷺ merupakan suri tauladan terbaik kepada umat Islam. Allah ﷻ berfirman dalam surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Yang bermaksud: “*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang terbaik.*”

Nabi ﷺ telah bersabda dalam Riwayat Imam al-Baihaqi yang bermaksud:

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak."

Antara akhlak utama yang mesti kita teladani:

Pertama, meneladani sifat Siddiq Rasulullah ﷺ dengan menjaga lidah dan tulisan kita, mengelakkan kata-kata kesat dan menghina termasuk di media sosial.

Hendaklah bebas daripada penipuan, menjauhi fitnah, gosip dan penyebaran berita palsu.

Kedua, meneladani sifat amanah Rasulullah ﷺ, iaitu amanah memegang jawatan, mengurus harta, menjalankan tugas di tempat kerja, memimpin keluarga dan lain-lain. Setiap amanah akan dipersoalkan di sisi Allah ﷻ.

Ketiga, meneladani sifat Rahmah, Nabi ﷺ terkenal dengan sifat memaafkan, menjaga kata-kata dan tidak menyakiti hati orang lain. Dalam konteks hari ini, rahmah bermakna kita menahan diri daripada cercaan, makian dan budaya membuli, sama ada secara lisan mahupun di alam maya.

Baginda ﷺ merupakan sumber dan lambang penyatuan Ummah. Melalui ketinggian akhlak, Baginda ﷺ berjaya membentuk masyarakat yang berteraskan kasih sayang, keadilan dan ihsan. Demikian juga, syariat yang dibawa oleh Baginda ﷺ mengatur hubungan sesama manusia. Amalan tolong-menolong, saling menghormati, menjaga hak jiran tetangga, menziarahi orang sakit, membantu mereka yang ditimpa musibah, memuliakan tetamu, memudahkan urusan orang lain, mengutamakan dialog dan menjauhi persengketaan, semuanya adalah manifestasi rahmat yang dibawa oleh Nabi ﷺ.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah ﷻ

Rasulullah ﷺ memuliakan hari kelahiran Baginda dengan berpuasa pada hari Isnin. Dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim apabila Baginda ditanya tentang puasa hari Isnin, Baginda ﷺ menjawab:

ذَٰكَ يَوْمٌ وَلِدْتُ فِيهِ، وَيَوْمٌ بُعِثْتُ فِيهِ، أَوْ أَنْزِلَ عَلَيَّ فِيهِ

Yang bermaksud: *“Itulah hari aku dilahirkan, hari aku diutus menjadi Rasul, dan hari diturunkan wahyu pertama kepadaku.”*

Pada masa yang sama, Rasulullah ﷺ juga memerintahkan umatnya agar memperbanyakkan selawat ke atas Baginda ﷺ khususnya apabila nama Baginda ﷺ disebut. Sabda Nabi ﷺ yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud: *“Sesiapa yang berselawat kepadaku sekali, maka Allah ﷻ melimpahkan kepadanya sepuluh rahmat, dihapuskan daripadanya sepuluh kejahatan, dan Allah ﷻ mengangkatnya sepuluh darjat.”*

Kedatangan bulan Rabiulawal dan sambutan maulidur rasul sewajarnya menyemarakkan lagi kecintaan umat Islam kepada Rasulullah ﷺ dengan memperbanyakkan selawat, membaca sejarah riwayat kehidupan Baginda ﷺ, barzanji, bacaan hadis syamil muhammadiyah dan qasidah memuji Baginda ﷺ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Mengakhiri khutbah pada hari ini, dapatlah khatib simpulkan:

Pertama, kelahiran Rasulullah ﷺ merupakan rahmat kepada sekalian alam antaranya merangkumi akidah, syariat, akhlak dan sosial-masyarakat.

Kedua, umat Islam hendaklah menjadikan Rasulullah ﷺ suri tauladan dalam menjalani kehidupan seharian.

Ketiga, sambutlah maulidur rasul dengan memperbanyakkan berselawat, membaca sejarah riwayat kehidupan Baginda ﷺ, barzanji, bacaan hadis syamil muhammadiyyah, qasidah memuji Baginda ﷺ dan ketaatan yang lain.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ ۖ وَسِرَاجًا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.